

KEFAHAMAN GURU PENDIDIKAN ISLAM TENTANG KEMAHIRAN PEMIKIRAN KRITIS DALAM PEMBELAJARAN ABAD KE-21

UNDERSTANDING OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS IN CRITICAL THINKING SKILLS IN 21ST CENTURY LEARNING

Siti Fatihah Osman¹
Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain²
Wan Hassan Wan Embong³

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia, (Email: fatihannur1982@gmail.com)

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia, (Email: mtalhah.uda@gmail.com)

³Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia, (Email: abawidad@utm.my)

Article history

Received date : 20-4-2020
Revised date : 21-4-2020
Accepted date : 25-5-2020
Published date : 15-7-2020

To cite this document:

Osman, S. F., Ajmain @ Jima'ain, M. T., & Wan Embong, W. H. (2020). Kefahaman Guru Pendidikan Islam Tentang Kemahiran Pemikiran Kritis Dalam Pembelajaran Abad Ke-21. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(29), 130 - 140.

Abstract: Kefahaman guru Pendidikan Islam terhadap pemikiran kritis sangat penting bagi mengukuhkan amalan pengajaran dan tingkah laku guru di dalam bilik darjah. Kefahaman guru Pendidikan Islam tentang pemikiran kritis penting dalam membantu meningkatkan kemahiran pembelajaran abad ke-21. Pemikiran kritis dalam abad ke-21 masa kini sangat diperlukan bagi guru Pendidikan Islam menangani pelbagai kekejutan maklumat untuk memberikan pengajaran yang terbaik kepada para pelajar. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka kefahaman guru Pendidikan Islam tentang pemikiran kritis dalam meningkatkan kemahiran pembelajaran abad ke-21. Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan metod kajian kualitatif sepenuhnya. Pengumpulan data melibatkan temu bual mendalam yang menghasilkan dapatan awal bagi objektif pertama sahaja dipaparkan bagi memberikan pemahaman yang kukuh terhadap kefahaman guru Pendidikan Islam terhadap pemikiran kritis. Kajian ini merupakan kajian kes yang melibatkan dua orang guru Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah menengah sebagai responden kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam mempunyai kefahaman bahawa pemikiran kritis ialah kemahiran berfikir berlandaskan al-Quran dan Sunnah dan kemahiran pembelajaran abad ke 21 adalah kemahiran untuk menyesuaikan diri dengan situasi semasa dan teknologi digital.

Keywords: Pembelajaran Abad ke-21, Guru Pendidikan Islam, Kritis

Abstract: *Understanding of Islamic Education teachers in critical thinking is very important to strengthen teachers' teaching practices and behavior in the classroom. Islamic Education teachers' understanding of critical thinking is important in helping to improve 21st century learning skills. Critical thinking in the 21st century today is very much needed for Islamic Education teachers to deal with various information impairments to provide the best teaching to students. Therefore, this study was conducted to explore the understanding of Islamic Education teachers about critical thinking in improving 21st century learning skills. The design of this study is to use a fully qualitative research method. Data collection involves in-depth interviews that produce preliminary findings for the first objective only displayed to provide a solid understanding of Islamic Education teachers' understanding of critical thinking. This study is a case study involving two Islamic Education teachers who teach in secondary schools as study respondents. The findings of the study show that Islamic Education teachers have an understanding that critical thinking is thinking skills based on the Quran and Sunnah and 21st century learning skills are skills to adapt to current situations and digital technology.*

Keywords: *21st Century Learning, Islamic Education Teacher, Critical*

Pendahuluan

Kualiti pendidikan masa kini sangat berkait rapat dengan kemahiran berfikir dan keterampilan dalam menghadapi cabaran abad ke-21 yang semakin kompleks (Nordin, A. B. 2013). Guru-guru khususnya perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran serta amalan-amalan baharu pengajaran dan pembelajaran yang memenuhi keperluan abad ke-21. Amalan-amalan baharu pengajaran yang berfokuskan kepada kemahiran berfikir yang merentas semua disiplin ilmu dalam kalangan pelajar. Pengetahuan, kemahiran dan amalan-amalan yang relevan dengan kemahiran abad ke-21 sangat penting dalam menghadapi gelombang masa hadapan sistem pendidikan yang semakin kompleks dan komprehensif. Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) abad ke-21 akan meneroka penyelesaian masalah lebih mendalam dan kritis menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran abad ke- 21 yang bersifat futuristik dan global (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Namun demikian, sejauh manakah kefahaman guru Pendidikan Islam tentang Pemikiran kritis dalam meningkatkan kemahiran pembelajaran abad ke-21?

Objektif

Meneroka kefahaman GPI tentang pemikiran kritis dalam meningkatkan kemahiran pembelajaran abad ke-21.

Persoalan

Sejauh manakah kefahaman GPI tentang pemikiran kritis dalam meningkatkan kemahiran pembelajaran abad ke-21?

Pernyataan Masalah

Terdapat pelbagai kekangan kepada GPI untuk mengajar kemahiran berfikir. Hal ini kerana Pengajaran GPI banyak berpusatkan guru dan pelajar tidak diberi peluang untuk bertanya dan berhujah. Para pelajar mesti menerima segala apa yang diajarkan oleh guru tanpa banyak soal. GPI juga masih lagi bertungkus lumus menghabiskan sukatan dalam kerangka masa

persekolahan seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Akibatnya amalan berfikir para pelajar secara kritis dan kreatif agak terbatas, refleksi pembelajaran tidak berlaku secara mendalam dan potensi para pelajar tidak dapat dikembangkan (Abdullah A.K, 2010 ; U, Z.N. & Hussin, Z. , 2017; Dorothy, D., Alias, N., & Siraj, S. (2016).; Aziz, F. A. A., & Abd Rahman, F. (2018).

Selain itu, kebanyakan guru-guru juga tidak mahir dalam melaksanakan pengajaran secara efektif bagi meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi dan terdapat juga guru-guru yang mempunyai persepsi negatif menyatakan bahawa strategi dan kaedah kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) membebankan dan mereka lebih memberi fokus kepada peningkatan akademik yang menumpukan kepada banyak A dalam mata pelajaran semata-mata (Nurul Huda & Md Nasir, 2013). Di samping itu, pengajaran Pendidikan Islam juga masih lagi tidak menumpukan kepada peningkatan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar. Kemahiran ini juga sering diabaikan kerana pengajaran lebih banyak berfokuskan kepada hasil pembelajaran (Ali, M. M., *et al.*, 2011; Ali, M. M, 2018).

Kajian Literatur

Gashan, A. K. (2015) melakukan kajian terhadap guru pelatih di Universiti King Saudi mendapati bahawa guru pelatih tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang kemahiran pemikiran kritis. Namun demikian, beliau mendapati guru pelatih tetap berpandangan positif tentang peri pentingnya nilai kemahiran tersebut. Mereka sangat bersetuju bahawa pemikiran kritis mendedahkan pelajar kepada pemikiran aras tinggi dan mendorong mereka untuk lebih bebas berfikir dan belajar secara aktif. Mereka juga berpendapat bahawa pemikiran kritis menjadikan pelajar lebih memahami topik yang dipelajari, mereka lebih seronok untuk belajar dan mempunyai pencapaian yang lebih baik.

Selain itu, Ashraah, M. M *et al.*,(2012) juga menjalankan kajian untuk menentukan kemahiran pemikiran kritis GPI dan menentukan impaknya kepada jantina, pengalaman dan kelayakan saintifik guru. Sampel terdiri daripada 112 orang Pendidikan Islam yang menjawab soal selidik yang diedarkan kepada mereka. Kajian kuantitatif ini mendapati bahawa tahap kemahiran pemikiran kritis GPI adalah tinggi dan tiada perkaitan antara kemahiran pemikiran kritis dengan jantina tetapi perkaitannya lebih kepada pengalaman dan kelayakan saintifik.

Hal ini membuktikan kepentingan pemikiran kritis guru tidak dapat disangkal lagi mampu meningkatkan kualiti diri guru. Kajian Nasser, D. & Sarkhosh, M. (2019) mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara pemikiran kritis guru dan kualiti kerjaya guru. Ini menunjukkan berfikir secara kritis, berkomunikasi secara efektif dan kemampuan menyelesaikan masalah sangat berkait rapat dengan akademik dan kualiti di tempat kerja.

Kajian oleh Şahin, S. A *et al.*, (2015) juga membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara nilai profesionalisma guru dan kecenderungan pemikiran kritis dalam kalangan guru. Ini bermakna guru perlu memiliki nilai profesionalisma dan kecenderungan pemikiran kritis agar kemahiran pemikiran kritis dan nilai berjaya diterapkan dalam pengajaran. Ini menunjukkan bahawa pentingnya pemikiran kritis yang digabungkan dengan komunikasi, kolaborasi dan kreativiti yang mana empat kemahiran asas ini sangat diperlukan dalam abad ke 21 ini menurut persatuan Pendidikan Kebangsaan (NEA). Banyak kajian yang dijalankan menunjukkan hubungan pemikiran kritis dengan kualiti guru dan

dapatan menunjukkan indikasi guru yang berjaya berdasarkan penilaian pelajar. Guru yang berjaya adalah guru yang mempunyai motivasi diri dalam meningkatkan keyakinan diri terutama dari segi strategi pengajaran (Eghtesadi, A., & Jeddi, A., 2019).

Oleh yang demikian, sistem Pendidikan Islam yang baik mampu meningkatkan kualiti GPI dengan memperkembangkan sikap dan kemahiran profesional serta mengekalkan institusi pendidikan yang mampu melahirkan pelajar yang mempunyai pengetahuan agama yang tinggi (Hashim, I., & Jemali, M., 2017). Justeru itu, pengajaran subjek Pendidikan Islam bukan bersifat statik tetapi lebih kepada kemampuan menyesuaikan pengajaran dengan situasi semasa berdasarkan al-Quran dan hadis. Secara tuntasnya Pendidikan Islam lebih bersifat mengajak pelajar untuk berfikir dan memikirkan ciptaan Allah SWT untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan seterusnya tunduk kepada penciptanya Yang Maha Berkuasa (Nordin, N., & Surajudeen, A. T., 2015); Nawi, N. H. M. (2015).

Budaya berfikir kritis Islam penting supaya pelajar dapat berfikir dalam kerangka world view Islam yang berasaskan tauhid. Transformasi budaya berfikir yang bertunjangkan kepada elemen analitikal, objektif dan penilaian berasaskan al-Quran dan Sunnah sangat penting supaya GPI dan pelajar mampu menghadapi cabaran dan mengatasi masalah dengan bijaksana dalam era kontemporari ini (Ab Hamid, N. *et al.*, 2019). Hal ini bersesuaian dengan matlamat pendidikan adalah untuk menggalakkan pelajar untuk lebih berhati-hati, teliti dan mahir untuk berfikir. Dengan demikian, pelajar mampu untuk menjadi rakyat yang bertanggungjawab (Fahim, M., & Eslamdoost, S., 2014).

Kajian Ishak, M. *et al.*, (2018) mendapati amalan pembelajaran berterusan mempunyai hubungan yang positif dengan prestasi peranan GPI. GPI perlu melengkapkan diri dengan sentiasa bersiap sedia untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam menuju era IR 4.0. Oleh yang demikian, amalan pembelajaran sepanjang hayat menjadi agenda utama kerajaan dalam melahirkan modal insan yang menjadi ummatan wasathan (umat pertengahan) yang tidak larut dalam spiritualisme tetapi tidak terlalu menjejaskan materialisme.

Metodologi

Reka bentuk kajian ini adalah kajian kualitatif. Metodologi kajian kualitatif melibatkan kajian kes sepenuhnya ini digunakan bagi mendapatkan data yang lebih mendalam dan terperinci. Pengkaji mengumpulkan maklumat dengan menemu bual responden kajian, membuat pemerhatian terhadap tingkah laku dalam PdPc dan menganalisis dokumen yang berkaitan. Pengkaji dan responden merupakan sumber utama dalam pengumpulan data berdasarkan protokol yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, kajian ini menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur sebagai sumber utama dalam pengumpulan data. Pemerhatian sebagai sumber sokongan dan memperkukuh data yang diperolehi daripada temu bual. Pemerhatian akan memperincikan maklumat secara lebih mendalam dan menjelaskan lagi data yang diperolehi daripada hasil temu bual (Cresswell, J.W. and Poth, C.N., 2018).

Kajian ini dijalankan ke atas dua orang guru Pendidikan Islam yang mengajar subjek Pendidikan Islam Tingkatan empat di sekolah menengah. Pengkaji memilih responden kajian berdasarkan tujuan dan persoalan yang telah ditetapkan dalam kajian. Maka dengan itu, pengkaji memilih teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) berdasarkan anggapan bahawa pengkaji ingin meneroka dan memahami secara lebih mendalam berkaitan dengan

amalan pemikiran kritis GPI dalam meningkatkan kemahiran abad ke-21. Oleh yang demikian, pengkaji memilih responden kajian yang boleh memberikan kefahaman yang mendalam dan maklumat yang banyak khususnya berkaitan dengan amalan, pengalaman dan kompetensi yang dimiliki oleh responden (Merriam S.B And Tisdell E.J., 2016).

Dapatan Kajian

Pemikiran kritis dapat membantu pelajar berfikir di sebaliknya untuk hidup dalam dunia abad ke-21

GPI menerapkan pemikiran kritis dalam pembelajaran abad 21 jadi secara tak langsung pelajar akan berfikir di sebaliknya. Berfikir di sebaliknya, boleh mengaplikasikan ilmu pengetahuan yang mereka ada untuk mereka hidup dalam dunia alaf baru dengan cara yang betul.

Responden 1

Pemikiran kritis menggunakan teknik penyoalan yang sesuai supaya pelajar mampu berfikir di luar kotak

Pemikiran kritis ni kalau saya adalah macam mana guru ini menjana idea untuk macam menggunakan teknik penyoalan yang sesuai supaya pelajar-pelajar masa dia belajar tu dia dapat menterjemahkan kreativiti dia dan dia boleh berfikir di luar kotak

Responden 2

Pemikiran Kritis Menjadikan GPI lebih berfikir Terbuka dengan pencarian maklumat yang lebih meluas

kalau kita ada unsur pemikiran kritis. Contoh kalau kita dapat buku teks kita bukan hanya mengajar apa yang ada dalam buku teks. Tapi kita akan cari perkara-perkara yang sebaliknya, yang selainnya, kita akan cari maklumat luar. Kita akan minta pelajar untuk explore sendiri. Gunakan ICT, apa-apa yang ada. Kalau kita tak ada unsur pemikiran kritis mungkin kita hanya akan sepenuhnya bergantung kepada apa yang disediakan di dalam buku teks.

Responden 2

Pemikiran kritis Islam boleh membawa pelajar dekat dengan Allah

Falsafah Pendidikan Islam nak bawa err..manusia atau generasi ini dekat dengan Allah.

Responden 1

Pemikiran Kritis Dalam Islam mempunyai matlamat untuk mencari keredaan Allah

Pemikiran kritis dalam Islam kita tahu hala tuju nak bawa ke mana, kita bawa manusia untuk mendekatkan diri kepada Allah, nak cari keredaan Allah dan akhirnya maksudnya ialah untuk mencari syurga Allah. Kita ada tujuan spesifik, tujuan sebenar. Tujuan kita sebenar ialah satu sahaja adalah untuk kembali kepada Allah.

Responden 1

GPI menggalakkan pelajar berfikir dan meletakkan batas-batas berfikir secara kritis

GPI 1 : Kebanyakan ayat-ayat Allah berakhir dengan *afala tafakkarun, afala ta'qiluun, adakah kamu mahu berfikir, adakah kita tidak memikirkan perkara-perkara tersebut. Ini menunjukkan bahawa Islam amat menggalakkan kita supaya menggunakan akal untuk berfikir dan mencari tapi batasan akal kita mestilah based al-Quran dan hadis.*

Responden 1

Kemahiran Pemikiran Kritis penting kerana boleh menghubungkan ilmu yang dipelajari dengan kehidupan seharian

Pemikiran kritis bukan sekadar mengingat fakta tetapi boleh menghubungkan ilmu yang dia dapat tersebut dengan kehidupan seharian. Itu bagi saya pemikiran kritis.

Responden 1

Kemahiran pemikiran kritis penting kerana mampu melahirkan pelajar yang kritis, kreatif, inovatif dan berdaya saing

Cuma kita kena kritis supaya kita ni menjadi perintis dan pengguna. Bukannya pengguna yang sekadar meniru. Macam tu lah, jadi kita kena campur elemen, nak kena inovatif, nak kena kritis, kreatif dalam tu lah. Cuma kena berfikir, bukan sahaja menerima.

Responden 2

Supaya boleh setanding dengan bangsa-bangsa lain ataupun mungkin bila keluar mereka ni boleh berdiri sendiri, boleh berfikir, boleh menjadi macam saya kata boleh menjadi pereka. Boleh menjadi peneraju, bukannya penerima.

Responden 2

Boleh adapt situasi, boleh innovate sesuatu yang baru.

Responden 2

Pembelajaran abad ke-21 adalah pembelajaran yang sesuai dengan realiti semasa iaitu dunia teknologi

PAK 21 merupakan ialah satu pembelajaran yang membawa pelajar kepada dunia yang sebenar sekarang. Contohnya ialah dunia sebenar sekarang ialah dunia teknologi. Dunia yang canggih. Dunia yang serba maju. Jadi maknanya pembelajaran PAK21 ialah pembelajaran yang boleh bawa pelajar, bawa pelajar belajar maknanya hidup dalam dunia sebenar, dunia semasa.

Responden 1

Pembelajaran Abad Ke-21 adalah 4 K dan 1 N iaitu kreatif, kritis, komunikasi dan kolaborasi serta nilai

Saya mesti terapkan unsur 4K 1N dalam setiap PdPc tu kena ada unsur K yang pertama adalah Komunikasi. So pelajar kena berkomunikasi, guru dengan pelajar belajar sama-sama, belajar dalam kumpulan serta belajar dengan bahan. Dia ada komunikasi. Unsur yang kedua dia kena ada unsur Kolaboratif. Ada kerjasama di antara sesama pelajar dan sesama guru. Ketiga, ada unsur kreativiti. Contoh bila kita bagi tugas, pelajar boleh terjemahkan hasil kreativiti mereka dalam bahan yang akan mereka siapkan. Keempat, kritis tadi lah. Mereka boleh berfikir di luar kotak seperti di luar jangkauan setakat yang ada dan kelima kena ada unsur nilai murni.

Responden 2

Perbincangan

Dapatan kajian ini mendapati GPI memahami bahawa pemikiran kritis GPI mampu meningkatkan kemahiran pembelajaran abad ke-21. Hal ini kerana pemikiran kritis pada masa kini sangat diperlukan lebih-lebih lagi dunia hari ini terdedah dengan ledakan maklumat yang pelbagai dan rencam. Oleh yang demikian, ia memerlukan GPI mempunyai maklumat yang banyak, sahih dan mendalam. GPI perlu menilai maklumat, menyaringnya agar hanya maklumat yang benar dan sahih sahaja disampaikan kepada pelajar.

Dapatan ini disokong oleh kajian Ab Hamid, N. *et al.*, (2019) yang merumuskan bahawa pemikiran kritis ialah pemikiran yang mendalam dan serius untuk memastikan kebenaran sesuatu maklumat agar maklumat yang diperolehi dapat digunakan untuk menyelesaikan masalah. Oleh yang demikian, tiga elemen utama yang menjadi tunjang ialah pemikiran analitikal, objektif dan penilaian yang sangat penting bagi GPI untuk mengamalkan budaya berfikir kritis.

GPI yang berfikir kritis mampu menganalisis isu, membeza dan membandingkan, mencari isu-isu penting dan membuat penilaian yang lebih baik. Selain itu juga, GPI mampu berfikir dengan lebih jelas dan rasional, reflektif dan berfikir (Fahim, M., & Eslamdoost, S., 2014). Namun demikian, fakta menunjukkan bahawa GPI kurang kemahiran untuk mengajar pelajar berfikir dan guru mengajar untuk peperiksaan semata-mata. Metod pengajaran tidak menekankan kepada saling berhujah dan memberi pendapat, pembentangan dan perbincangan bagi mengemukakan idea masing-masing. Mereka tidak digalakkan untuk mengkritik dan menerima apa sahaja yang diajar tanpa diberi peluang untuk bertanya (Abdullah A.K, 2010; Hashim, I., & Jemali, M., 2017).

Abdullah, A.K. (2010) menegaskan supaya para pelajar perlu digalakkan untuk menyertai perbincangan dalam kelas, berhujah dan menyuarakan pendapat masing-masing tentang isu semasa. Mereka perlu didedahkan dengan banyak pembentangan dan debat. GPI perlu mengadakan sesi soal jawab yang mendedahkan pelajar dengan pendekatan pengajaran yang terkini. Selain itu, Pendekatan pengajaran yang berasaskan kaedah hafalan perlu digabungkan dengan metod pengajaran yang menitik beratkan kemahiran pelajar untuk menganalisis, memahami dan berkomunikasi bukan sahaja mahir menghafal dan mengingat.

Kajian Wan Yusoff, W. M. (2018). juga mendapati apabila pelajar-pelajar diberi peluang untuk bertanya soalan berdasarkan soalan-soalan ransangan, pelajar dapat mengeluarkan idea bernas mereka dan dapat berkomunikasi dengan baik melalui pendekatan pedagogi hikmah. Mereka juga mampu untuk memberi pendapat dengan baik, berfikir dengan idea sendiri dan berkongsi idea dengan rakan-rakan. Selain itu, soalan-soalan perbincangan secara maya juga boleh diaplikasikan oleh guru supaya membolehkan guru memahami bagaimana pelbagai strategi penyoalan mampu memberi impak kepada tahap pemikiran pelajar (Khoshneshin, Z., 2011).

Justeru itu, GPI perlu gigih berusaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran Pendidikan Islam di dalam bilik darjah agar para pelajar dapat mengaplikasikan ilmu yang dipelajari untuk menghadapi cabaran abad ke-21 (Othman, M. S., 2019). Untuk itu, GPI perlu membuat perubahan dengan menuntut ilmu dan merujuk kepada pakar-pakar yang muktabar dan mencari maklumat melalui dunia digital dan laman-laman web yang diiktiraf. Selain itu, pelajar juga diberi tanggungjawab untuk merujuk pakar dan bertanya jika mereka tidak mengetahuinya.

Namun demikian, sebaliknya Higgins, S. (2014) berpendapat bahawa kemahiran pemikiran kritis dan kreatif sama pentingnya dengan kemahiran digital dan teknologi yang boleh diaplikasikan ilmu tersebut dalam kehidupan sebenar. Beliau menyatakan bahawa kemahiran pemikiran kritis dan kemahiran pembelajaran abad ke-21 walaupun diperlukan dalam kurikulum abad ke-21 tetapi masih belum mencukupi. Apa yang lebih penting ialah pemikiran yang lebih produktif dan proaktif bagi membantu seseorang individu untuk menghadapi cabaran hidup dan mampu menyelesaikan masalah. Keseimbangan pemikiran yang lebih matang dan bijaksana dengan melalui pendidikan yang sebenar dan kemahiran sangat penting untuk diaplikasikan dalam dunia masa kini. Hal ini disokong oleh kajian Gashan, A. K. (2015) yang menyatakan bahawa pemikiran kritis amat penting pada masa kini sebagai alat berfikir supaya seseorang individu itu dapat melaksanakan tugasnya dengan cemerlang dalam kehidupan yang mencabar.

Carlgren, T. (2013) juga mempunyai pendapat yang sama menyatakan bahawa kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah sangat diperlukan oleh seseorang individu untuk hidup dalam abad ke 21 yang serba kompetitif ini. Kemahiran-kemahiran ini perlu bagi seseorang untuk berperanan dalam masyarakat, bergiat aktif dalam pelbagai institusi dan mampu bersaing di peringkat global. Kemahiran-kemahiran ini sangat diperlukan dalam kehidupan seorang guru.

Kajian Coskun, M. V., & Altinkurt, Y. (2016) juga mendapati guru-guru mempunyai nilai sensitiviti dan menghormati kepelbagaian yang boleh menjamin mereka untuk berperanan aktif dalam masyarakat. Mereka juga mampu menghadapi masalah dengan baik dan bergaul dengan rakan sekerja dan pelajar dengan sebaiknya. Nilai-nilai ini memberi impak yang sangat penting dalam mengembangkan nilai demokratik dan kualiti diri seorang guru.

Cadangan Kajian

Membudayakan KBAT di tahap yang lebih maksimum.

GPI perlu membuat anjakan paradigma dalam PdPc agar landskap PdPc berubah mengikut arus perubahan zaman. Strategi pengajaran yang bersesuaian dengan situasi semasa penting agar GPI bukan sahaja mampu mengaplikasikan KBAT dalam pembelajaran abad ke-21 masa kini tetapi juga memberikan ilmu kepada para pelajar supaya ilmu yang didapati oleh para pelajar mampu dimanfaatkan dalam kehidupan seharian mereka.

Hashim, I., & Jemali, M. (2017). mencadangkan supaya pengajaran pendidikan Islam memberi impak kepada kehidupan para pelajar dan membantu mereka untuk menjadi insan yang mulia dan mampu menghadapi cabaran, mampu menyelesaikan masalah dan membuat keputusan dengan baik.

Mengikuti kursus dan memanfaatkan pembelajaran yang diperolehi

Antara cara paling mudah untuk meningkatkan kemahiran berfikir adalah dengan menghadiri kursus berkaitan. Kursus yang dicadangkan adalah dengan melibatkan kaedah pengajaran yang berkesan dan melibatkan aktiviti-aktiviti bersesuaian. Latihan perlulah melibatkan penyertaan aktif guru-guru. Justeru itu, dicadangkan supaya latihan-latihan dan kursus-kursus

diperkasakan dengan kemahiran berfikir dan membina modul kemahiran berfikir dengan aktiviti-aktiviti PLC yang lebih sistematik.

Kemudahan Yang Selesa dan kondusif di sekolah

Kemudahan yang baik sangat penting kepada guru-guru dan para pelajar agar mereka dapat melaksanakan PdPc dalam keadaan yang kondusif. Pihak sekolah dicadangkan agar menyediakan kemudahan yang baik di sekolah terutama pusat sumber dan makmal komputer yang dilengkapi dengan sumber-sumber maklumat yang terkini. Pusat sumber sekolah yang baik dilengkapi dengan kemudahan komputer, internet, video dan bilik yang dikhususkan untuk perbincangan untuk memudahkan guru-guru dan pelajar mengakses maklumat (Abdullah A.K, 2010).

Mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat

Dalam era revolusi industri 4.0 ini maka pembelajaran sepanjang hayat sangat penting diamalkan oleh GPI untuk memiliki ilmu dan mendapatkan kemahiran. Budaya berfikir secara kritis dan menyelesaikan masalah secara optimum memerlukan seseorang guru untuk sentiasa mencari ilmu dari semasa ke semasa supaya ilmu yang didapati sentiasa relevan dengan perubahan zaman.

Kesimpulan

GPI yang mempunyai kefahaman yang baik terhadap pemikiran kritis dalam Islam mampu mengaplikasikan pengajarannya untuk melahirkan pelajar yang berilmu, beriman dan bertaqwa. Pelajar yang berilmu, beriman dan beramal soleh mampu mengaplikasikan ilmu yang dipelajari dalam kehidupannya berlandaskan al-Quran dan Sunnah. Hal ini penting kerana untuk melahirkan pelajar yang mampu menghadapi cabaran hidup dalam abad ke-21 ini maka GPI masa kini perlu memiliki kemantapan daripada segi ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai yang murni menjadi amalan GPI. Pembelajaran secara berterusan dan sepanjang hayat yang diamalkan oleh GPI menjadikan pengajaran GPI lebih berkesan dan fleksibel. Pengajaran GPI lebih holistik apabila pelajar sanggup menerima pengajaran guru dan sekaligus menjadikan GPI lebih kritis dan pelajar lebih berfikir kritis, kreatif dan inovatif.

Rujukan

- Abdullah, A. K. (2010). Strengthening critical thinking skills among Muslim students. *Islam and Civilisational Renewal (ICR)*, 1(4). Abdullah, A. K. (2010). Strengthening critical thinking skills among Muslim students. *Islam and Civilisational Renewal (ICR)*, 1(4).
- Ab Hamid, N., Wahab, A., Azlina, N., Che Man, N., & Hashim, S. N. I. (2019). Budaya berfikir kritis Islam dan kepentingannya kepada masyarakat Melayu era kontemporari. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 1, 1-16.
- Ali, M. M., Mohd. S.B.H, Fatmi T. N.H., Mokhtar.S., Lubis, M.A. (2011). Amalan Serapan Kemahiran Analitikal Dalam Pengajaran Kurikulum Pendidikan Islam Di Sekolah Menengah. *2 nd Intenational Conference On Islamic Education (ICIED 2011)*.333-339.
- Ali, M. M., Lubis, M. A., & Noh, M. A. C. (2018). Keberkesanan Pengajaran Kurikulum Akidah Dalam Pendidikan Islam Berasaskan Kemahiran Berfikir Analitikal Di Sekolah Menengah. *Asean Comparative Education Research Journal On Islam And Civilization (Acer-J)*. Eissn2600-769x, 2(1), 15-34.

- Ashraah, M. M., AL-Nabrawi, I. M., Shdeifat, S., al Ali, F., & Musa, T. (2012). Critical thinking skills for islamic education teachers: a study of teachers'perceptions. *International Journal Of Academic Research*, 4(6).
- Aziz, F. A. A., & Abd Rahman, F. (2018). Sorotan Kajian Kesediaan Dan Keperluan Guru Bahasa Melayu Dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Di Bilik Darjah. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 9, 80-101.
- Carlgren, T. (2013). Communication, critical thinking, problem solving: a suggested course for all high school students in the 21st century. *Interchange*, 44(1-2), 63-81.
- Coskun, M. V., & Altinkurt, Y. (2016). The relationship between values and critical thinking dispositions of pre-service teachers. *Educational Process: International Journal*.
- Cresswell. J.W. and Poth. C.N (2018). *Qualitative Inquiry and Research Design : Choosing Among Five Approaches*. Fourth Edition. California : Sage Publications, Inc.
- Dorothy, D., Alias, N., & Siraj, S. (2016). Problem solving strategies of Malaysian secondary school teachers/Dorothy DeWitt, Norlidah Alias and Saedah Siraj.
- Eghtesadi, A., & Jeddi, A. (2019). Teachers' Critical Thinking and Self-efficacy as Predictors of their Pedagogical Success. *International Journal of Applied Linguistics and English Literature*, 8(1), 62-70.
- Fahim, M., & Eslamdoost, S. (2014). Critical Thinking: Frameworks and Models for Teaching. *English Language Teaching*, 7(7), 141-151.
- Ishak,M.,Abdullah, H.,Ahmad,S., Mohamed, Y., (2018). Mendepani Cabaran Era Revolusi Industri 4.0 : Hubungan Amalan Pembelajaran Berterusan Dengan Prestasi Peranan Guru Pendidikan Islam Sebagai Agen Perubahan Masyarakat. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam*.
- Gashan, A. K. (2015). Exploring Saudi pre-service teachers' knowledge of critical thinking skills and their teaching perceptions. *International Journal of Education and Literacy Studies*, 3(1), 26-33.
- Higgins, S. (2014). Critical thinking for 21 st-century education: A cyber-tooth curriculum?. *Prospects*, 44(4), 559-574.
- Hashim, I., & Jemali, M. (2017). Key Aspects of Current Educational Reforms in Islamic Educational Schools. *GJAT*, 7(1), 49-56.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). Buletin Anjakan : Buletin Transformasi Pendidikan Malaysia. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.
- Khoshneshin, Z. (2011). Collaborative critical thinking in online environment. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 30, 1881-1887.
- Merriam S.B And Tisdell E.J. (2016). *Qualitative Research. A Guide To Design And Implementation*. Fourth Edition. San Francisco. John Wiley & Sons.
- Nasseri, D., & Sarkhosh, M (2019). The Relationship between EFL Teachers 'Critical Thinking, Self-Actualization Level and Quality of Job Performance. *Studies*, 7(1), 129-139.
- Nawi, N. H. M. (2015). Kesenambungan dan sinergisme konsep kesepaduan dan islamisasi ilmu. *Journal of Arabic Studies and Islamic Civilization*, 2, 60-68.
- Nordin, A. B. (2013). Kurikulum Kearah Penghasilan Kemahiran Berfikir Kritis, Kreatif dan Inovatif. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(1), 10-18.
- Nordin, N., & Surajudeen, A. T. (2015). Islamic theoretical model for critical thinking in teaching and learning of islamic education. *GSE E-Journal of Education*, 3, 34-44.

- Nurul Huda Abd Rahman & Md Nasir Ibrahim (2013). *Pemikiran Kritis dan Kreatif. Konsep, Pendekatan dan Aplikasi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Perak. Penerbit : Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman, M. S. (2019). Kepentingan Pelaksanaan Pedagogi Pendidikan Islam Melalui Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Dapat Memenuhi Aspirasi Falsafah Pendidikan Islam. *Jurnal Ulwan*, 3(1), 58-69.
- Othman, M. S., & Kassim, A. Y. (2017). Isu Dan Permasalahan (Pdp) Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Dalam Amalan Pengajaran Guru Menurut Pandangan Ibn Khaldun (Issues And Problems (Iap) In Implementation Of Higher Order Thinking Skills (Hots) In Teaching Practice From Ibn Khald. *Journal of Human Capital Development (JHCD)*, 10(1), 1-18.
- Şahin, S. A., Tunca, N., Altınkurt, Y., & Yılmaz, K. (2015). Relationship between professional values and critical thinking disposition of science-technology and mathematics teachers. *EURASIA Journal of Mathematics, Science and Technology Education*, 12(1), 25-40.
- Ujang, Z.N, & Hussin, Z. (2017). Konsep Taakulan Akhlakiyah Bagi Kurikulum Pendidikan Islam : *Seminar Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan (ISPEN 2017)*, (October), 8–16.
- Wan Yusoff, W. M. (2018). The Impact of Philosophical Inquiry Method on Classroom Engagement and Reasoning Skills of Low Achievers. *Journal of Curriculum and Teaching*, 7(1), 135-146.